

Analisis DNA amat digeruni penjenayah

Kemajuan sains dan teknologi banyak membantu menyelesaikan kes jenayah. Kejadian rogol, bunuh, rompakan bersenjata, buang bayi, penderaan dan lain-lain sering dilaporkan di media cetak dan elektronik saban hari. Kebanyakan kes ini memerlukan siasatan polis yang terperinci yang membabitkan saksi dan bahan bukti.

Semua bahan bukti di tempat kejadian dan bukti lain yang didapati hasil siasatan akan dikumpulkan dan dihantar ke makmal untuk analisis. Analisis yang amat penting dan paling digeruni penjenayah ialah DNA (Deoxyribonucleic acid) kerana ketepatannya melebihi 99.9 peratus.

Hasil siasatan polis akan memberi fokus kepada keputusan DNA pada bahan bukti untuk mensabitkan seseorang atau tidak dalam sesuatu kes jenayah.

DNA boleh didapati daripada darah, air mani, rambut, kulit, tisu, tulang, malah air liur seseorang. Penjenayah dan mangsa dengan mudah meninggalkan bukti DNA daripada sumber berkenaan pada tempat kejadian.

Semua bahan bukti tak dapat hapus

Walaupun licik seseorang penjenayah cuba menghapuskan bahan bukti DNA, dia tidak akan berjaya menghapuskan semuanya kerana faktor kesempitan masa dan panik. Emosi penjenayah akan tertekan selepas melakukan jenayah dan tidak dapat berfikir dengan betul. Bahan bukti tidak dapat dihapuskan semuanya.

Kadang-kadang bukti tidak dapat ditemui kerana faktor masa dan alam sekeliling seperti hujan lebat, panas yang terik, laporan lambat dibuat, pasukan penyiasat lambat menemui tempat kejadian dan lain-lain faktor di luar kawalan.

Penjenayah amat cekap dan berjaya melakukan jenayah ketika mangsa sedang leka atau tidak berhati-hati. Jika dirogol, jangan mandi dan simpan semua pakaian di dalam beg plastik di tempat yang selamat dan serahkan kepada pegawai polis ketika laporan dibuat.

Kesan pada kuku mangsa dan kemaluan mangsa mengandungi bukti DNA yang amat kukuh untuk membawa mangsa ke muka pengadilan. Jangan diganggu tempat kejadian kerana mungkin terdapat rambut, kesan darah dan bahan bukti lain seperti puntung rokok yang mengandungi kesan air liur penjenayah.

Jika sekiranya mangsa diberikan minuman sebelum kejadian, simpan bekas minuman terbabit untuk ujian toksikologi dan dadah. Laporan hendaklah dibuat dengan segera kerana bukti akan rosak atau hilang jika lambat dipungut oleh pegawai penyiasat polis yang terlatih.

Ingatlah, jenayah yang berlaku adalah akibat kelalaian kita. Penjenayah perlu dibawa ke muka pengadilan dan mendapat hukuman yang setimpal. Jika bukti DNA tidak diuruskan dengan sebaiknya, penjenayah akan terlepas dan banyak lagi yang akan menjadi mangsanya.

Dr Mohd Sukri Hassan

Pensyarah Kanan dan Ahli Kimia Forensik
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)